



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld.¹⁰ (62)
Tarikh : 10 November 2025

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BILANGAN 6 TAHUN 2025**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME*
SEKOLAH SWASTA BERDAFTAR BAWAH KEMENTERIAN
PENDIDIKAN**

TUJUAN

Surat pekeliling ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Sekolah Swasta Berdaftar Bawah Kementerian Pendidikan (KPM).

LATAR BELAKANG

2. *Dual Language Programme* (DLP) merupakan program yang memberi peluang kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains dan Matematik. Pelaksanaan DLP ini melibatkan sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM dan melaksanakan Kurikulum Kebangsaan.

3. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Bilangan 10 Tahun 2025 pada 10 April 2025 telah meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Sekolah Swasta Berdaftar Bawah Kementerian Pendidikan.

PELAKSANAAN

4. Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Sekolah Swasta Berdaftar Bawah Kementerian Pendidikan memberikan penjelasan bagi memastikan pelaksanaan DLP mematuhi ketetapan KPM dan disesuaikan dengan pengoperasian sekolah berkenaan. Garis panduan ini telah disesuaikan dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2024: Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2024 bertarikh 19 Mac 2024 untuk sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

5. Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Sekolah Swasta Berdaftar Bawah Kementerian Pendidikan yang disertakan bersama-sama SPI ini menjelaskan tentang syarat dan tatacara pelaksanaan DLP di sekolah berkenaan. Garis panduan ini hendaklah dijadikan rujukan kepada semua pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM.

TARIKH KUAT KUASA

6. Surat pekeliling ikhtisas ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN


7. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah swasta yang berdaftar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. MOHD AZAM BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan

- s.k.:
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME*
SEKOLAH SWASTA BERDAFTAR BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

2025

Kandungan	Muka surat
1. TUJUAN.....	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. OBJEKTIF.....	2
4. TAKRIFAN OPERASI	2
5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	3
5.1 Bahagian Pendidikan Swasta (BPSwasta)	3
5.2 Unit Pendidikan Swasta JPN	3
5.3 Unit Pendidikan Swasta PPD	4
5.4 Lembaga Pengelola Sekolah (LPS)	4
5.5 Pengetua/ Guru Besar	4
5.6 Guru	5
6. PENETAPAN MATA PELAJARAN DLP	6
6.1 Peringkat Sekolah Rendah	6
6.2 Peringkat Menengah Rendah	6
6.3 Peringkat Menengah Atas.....	6
7. DOKUMEN KURIKULUM DAN BAHAN SOKONGAN	6
8. PERUNTUKAN MASA PdP	7
9. PENTAKSIRAN	7
10. SYARAT PEMBUKAAN	7
10.1 Sumber yang mencukupi	7
10.2 Mempunyai perancangan untuk melaksanakan DLP.....	7
10.3 Persetujuan ibu bapa/penjaga	8
10.4 Program pengukuhan bahasa Melayu	8
11. TATACARA PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN DLP.....	8
11.1 Permohonan	8

11.2 Pelaksanaan	8
11.2.1 Pembukaan kelas DLP:	8
11.2.2 Penutupan kelas DLP:	9
11.2.3 Penempatan Murid.....	9
11.2.4 Perpindahan Murid.....	10
11.2.5 Kemasukan ke Sekolah Menengah	10
12. PENUTUP.....	10
SENARAI LAMPIRAN	11



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME*
SEKOLAH SWASTA BERDAFTAR BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pegawai bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD) untuk tentang tatacara pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) di sekolah swasta yang berdaftar bawah KPM.
- 1.2 Garis panduan ini juga disediakan sebagai panduan kepada sekolah swasta yang melaksanakan kurikulum kebangsaan dan berhasrat untuk melaksanakan DLP.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 DLP merupakan program yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah.
- 2.2 Program ini dilaksanakan sebagai sebahagian inisiatif bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

3. OBJEKTIF

Garis panduan ini adalah untuk:

- 3.1 memastikan pengurusan permohonan pelaksanaan DLP bagi sekolah swasta dapat diuruskan dengan lebih teratur dan berkesan; dan
- 3.2 memberi penjelasan tentang peranan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan DLP di sekolah swasta.

4. TAKRIFAN OPERASI

Takrifan operasi yang dinyatakan di bawah hanya digunakan untuk tujuan pelaksanaan DLP di sekolah swasta sahaja.

- 4.1 **Guru DLP** ialah guru yang melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan/atau Matematik.
- 4.2 **Kelas DLP** ialah kelas yang melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik yang ditetapkan oleh KPM.
- 4.3 **Murid DLP** ialah murid yang mengikuti PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.
- 4.4 **Mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran lain yang berkaitan yang ditetapkan** merujuk kepada mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran lain yang berkaitan yang ditetapkan oleh KPM dan tertakluk kepada sebarang perubahan.
- 4.5 **Sekolah yang melaksanakan DLP** ialah sekolah swasta yang mendapat kelulusan KPM untuk melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran lain yang berkaitan yang ditetapkan oleh KPM.

5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat adalah seperti yang berikut:

5.1 Bahagian Pendidikan Swasta (BPSwasta)

- 5.1.1 mengemukakan permohonan sekolah kepada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru untuk kelulusan;
- 5.1.2 memaklumkan keputusan permohonan kepada JPN untuk dimaklumkan kepada sekolah;
- 5.1.3 memastikan pengurusan pelaksanaan DLP di sekolah swasta dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Sekolah Swasta Berdaftar Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia; dan
- 5.1.4 melaporkan data dan maklumat berkenaan DLP di sekolah swasta dalam Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* DLP KPM.

5.2 Unit Pendidikan Swasta JPN

- 5.2.1 melaksanakan verifikasi kesediaan sekolah yang memohon melaksanakan DLP berdasarkan syarat yang ditetapkan;
- 5.2.2 menyemak dan menentusahkan kesediaan sekolah sebelum menyokong permohonan berdasarkan syarat yang ditetapkan;
- 5.2.3 menentu sah dan mengemukakan senarai sekolah yang memohon melaksanakan DLP kepada BPSwasta menggunakan Borang Pengesahan Kesediaan Sekolah – Lampiran 5 dan Borang Rumusan Bilangan Kelas dan Murid – Lampiran 6a dan 6b;
- 5.2.4 memaklumkan kepada sekolah yang memohon melaksanakan DLP tentang status permohonan;
- 5.2.5 memastikan pengurusan pelaksanaan DLP pada peringkat sekolah dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan

Pelaksanaan *Dual Language Programme* Sekolah Swasta Berdaftar Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia;

- 5.2.6 memantau pelaksanaan dan memastikan tindakan susulan dilaksanakan mengikut keperluan dari semasa ke semasa; dan
- 5.2.7 mengemas kini dan melapor data DLP sekolah swasta dari semasa ke semasa.

5.3 Unit Pendidikan Swasta PPD

- 5.3.1 membantu melaksanakan verifikasi kesediaan sekolah yang memohon melaksanakan DLP berdasarkan syarat yang ditetapkan;
- 5.3.2 membantu memastikan pengurusan pelaksanaan DLP pada peringkat sekolah dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Sekolah Swasta Berdaftar Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia; dan
- 5.3.3 membantu memantau pelaksanaan DLP dan memastikan tindakan susulan dilaksanakan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

5.4 Lembaga Pengelola Sekolah (LPS)

- 5.4.1 mengemukakan permohonan sekolah menggunakan Borang Permohonan Pelaksanaan *Dual Language Program* Sekolah Swasta - Lampiran 3 kepada Unit Pendidikan Swasta JPN; dan
- 5.4.2 memastikan sekolah dapat melaksanakan DLP dengan baik, teratur dan berkesan.

5.5 Pengetua/ Guru Besar

- 5.5.1 mengadakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk melaksanakan DLP;

- 5.5.2 melaksanakan taklimat tentang DLP kepada ibu bapa/ penjaga, guru, murid dan pihak yang berkepentingan secara berkala;
- 5.5.3 mengedarkan Borang Penyertaan Murid – Lampiran 1 kepada ibu bapa/ penjaga;
- 5.5.4 menerima dan memproses Borang Penyertaan Murid;
- 5.5.5 memaklumkan kelulusan pelaksanaan DLP kepada ibu bapa/penjaga melalui Surat Pemakluman Penempatan – Lampiran 2;
- 5.5.6 memastikan semua rekod dan dokumen berkaitan DLP disimpan dan diselenggara dengan baik;
- 5.5.7 mengemas kini dan melapor data berkaitan DLP dari semasa ke semasa kepada Unit Pendidikan Swasta JPN;
- 5.5.8 melaksanakan kursus dan latihan yang sesuai untuk membantu guru memantapkan PdP mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris;
- 5.5.9 memastikan sekolah memenuhi semua syarat yang ditetapkan serta mematuhi tatacara pembukaan dan pelaksanaan DLP sebelum permohonan dibuat;
- 5.5.10 memastikan guru terlibat mempunyai keupayaan mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris; dan
- 5.5.11 melaksanakan pencerapan PdP guru bagi kelas DLP.

5.6 Guru

- 5.6.1 menyediakan Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) dan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP);
- 5.6.2 melaksanakan PdP mata pelajaran Sains dan/atau Matematik dalam bahasa Inggeris;

- 5.6.3 melaksanakan pentaksiran bilik darjah dan peperiksaan dalaman sekolah secara formatif dan/atau sumatif bagi mata pelajaran Sains dan/atau Matematik dalam bahasa Inggeris atau dwibahasa; dan
- 5.6.4 melaksanakan intervensi bagi mata pelajaran Sains atau Matematik atau kedua-duanya sekali sekiranya perlu.

6. PENETAPAN MATA PELAJARAN DLP

Mata pelajaran Sains dan Matematik yang ditetapkan oleh KPM adalah seperti yang berikut:

6.1 Peringkat Sekolah Rendah

- 6.1.1 Sains
- 6.1.2 Matematik

6.2 Peringkat Menengah Rendah

- 6.2.1 Sains
- 6.2.2 Matematik

6.3 Peringkat Menengah Atas

- 6.3.1 Sains
- 6.3.2 Sains Tambahan
- 6.3.3 Fizik
- 6.3.4 Kimia
- 6.3.5 Biologi
- 6.3.6 Matematik
- 6.3.7 Matematik Tambahan

7. DOKUMEN KURIKULUM DAN BAHAN SOKONGAN

- 7.1 Pelaksanaan DLP hendaklah berdasarkan DSKP yang dikeluarkan oleh KPM.

- 7.2 Sekolah boleh menggunakan buku teks yang dikeluarkan oleh KPM atau mana-mana bahan sokongan PdP yang bersesuaian.

8. PERUNTUKAN MASA PdP

- 8.1 Peruntukan masa PdP bagi mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan adalah seperti peruntukan masa yang ditetapkan dalam surat pekeliling ikhtisas yang sedang berkuat kuasa.

9. PENTAKSIRAN

Pentaksiran bilik darjah dan peperiksaan dalaman sekolah yang melaksanakan DLP bagi mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran yang berkaitan boleh dibuat dalam bahasa Inggeris atau dwibahasa.

10. SYARAT PEMBUKAAN

Sekolah yang layak untuk melaksanakan DLP hendaklah memenuhi empat (4) syarat seperti berikut:

10.1 Sumber yang mencukupi

10.1.1 Sekolah hendaklah mempunyai guru yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak pengurusan sekolah untuk mengajarkan mata pelajaran Sains dan/ atau Matematik dan mata pelajaran berkaitan dalam bahasa Inggeris.

10.1.2 Sekolah hendaklah menyediakan bahan dan rujukan yang mencukupi untuk melaksanakan PdP DLP.

10.2 Mempunyai perancangan untuk melaksanakan DLP

Pengetua/ guru besar hendaklah menyediakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang merangkumi aspek seperti yang berikut:

10.2.1 guru yang mencukupi;

10.2.2 keupayaan guru mengajarkan mata pelajaran Sains dan

Matematik serta mata pelajaran berkaitan dalam bahasa Inggeris;

10.2.3 kebolehan dan kesediaan murid untuk mengikuti kelas yang melaksanakan DLP; dan

10.2.4 bilik darjah yang mencukupi untuk memastikan keberkesanan dan kelangsungan pelaksanaan DLP di sekolah.

10.3 Persetujuan ibu bapa/penjaga

Sekolah hendaklah mendapatkan persetujuan secara bertulis menggunakan Borang Penyertaan Murid - Lampiran 1 daripada ibu bapa/penjaga.

10.4 Program pengukuhan bahasa Melayu

Sekolah hendaklah mengadakan program pengukuhan bahasa Melayu secara berterusan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid.

11. TATACARA PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN DLP

Tatacara permohonan dan pelaksanaan DLP di sekolah swasta adalah seperti yang berikut:

11.1 Permohonan

11.1.1 Sekolah hendaklah berdaftar dengan KPM.

11.1.2 Sekolah hendaklah mengemukakan surat permohonan berserta Borang Permohonan Pelaksanaan – Lampiran 3 kepada Unit Pendidikan Swasta JPN selewat-lewatnya tiga bulan sebelum kalendar akademik bermula.

11.2 Pelaksanaan

11.2.1 Pembukaan kelas DLP:

- (i) melaksanakan kelas DLP setelah mendapat kelulusan secara rasmi dari KPM;

- (ii) bilangan murid setiap kelas tertakluk kepada perakuan pendaftaran yang telah diluluskan; dan
- (iii) sekolah hendaklah memastikan kesinambungan pelaksanaan DLP pada setiap tahap bagi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas.

11.2.2 Penutupan kelas DLP:

- (i) kelas DLP tidak boleh ditutup pada pertengahan sesi persekolahan kalendar akademik tahun semasa;
- (ii) sekolah hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada ibu bapa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat sesi persekolahan kalendar akademik tahun semasa;
- (iii) mengemukakan surat pemakluman penutupan kelas DLP kepada Unit Pendidikan Swasta JPN; dan
- (iv) pembukaan semula kelas DLP hendaklah melalui permohonan semula mengikut ketetapan seperti para 11.1.2.

11.2.3 Penempatan Murid

- (i) Tindakan sekolah:
 - (a) menerima dan memproses Borang Penyertaan Murid – Lampiran 1;
 - (b) mengadakan proses saringan yang sesuai sekiranya permintaan penyertaan melebihi kesediaan tempat yang ditawarkan oleh sekolah;
 - (c) mengedarkan Surat Pemakluman Penempatan – Lampiran 2 kepada ibu bapa/penjaga; dan
 - (d) mengadakan taklimat pelaksanaan kelas DLP kepada ibu bapa/penjaga.
- (ii) Tindakan ibu bapa/penjaga: menyatakan persetujuan

dengan melengkapkan Borang Penyertaan Murid – Lampiran 1 yang diedar oleh sekolah.

11.2.4 Perpindahan Murid

- (i) Penerimaan masuk murid bagi mengikuti kelas DLP ke sekolah lain yang melaksanakan DLP adalah tertakluk kepada kekosongan dan persetujuan sekolah tersebut.
- (ii) Perpindahan murid yang mengikuti kelas DLP ke sekolah yang tidak melaksanakan DLP hendaklah dengan persetujuan ibu bapa/penjaga secara bertulis.

11.2.5 Kemasukan ke Sekolah Menengah

- (i) Kemasukan murid DLP dari sekolah rendah ke sekolah menengah sama ada sekolah menengah swasta atau sekolah menengah kerajaan juga tertakluk kepada kekosongan dan kesediaan sekolah menengah tersebut.

12. PENUTUP

Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Sekolah Swasta Berdaftar Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah menjadi rujukan dan panduan kepada pegawai bahagian di KPM/JPN/PPD dan sekolah swasta yang berdaftar bagi memastikan pelaksanaan DLP berjalan lancar.

**Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan**

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 - Borang Persetujuan Penyertaan Murid
- Lampiran 2 - Surat Pemakluman Penempatan
- Lampiran 3 - Borang Permohonan Pelaksanaan
- Lampiran 4 - Carta Alir Permohonan Pelaksanaan
- Lampiran 5 - Borang Pengesahan Kesediaan Sekolah
- Lampiran 6a - Borang Rumusan Bilangan Kelas dan Murid (SR)
- Lampiran 6b - Borang Rumusan Bilangan Kelas dan Murid (SM)

(logo sekolah)

**BORANG PENYERTAAN MURID
DUAL LANGUAGE PROGRAMME
TAHUN**

MAKLUMAT MURID

1. Nama Murid:
2. Tahun/Tingkatan:
3. No. Kad Pengenalan:
4. Jantina:

MAKLUMAT IBU BAPA/ PENJAGA

1. Nama Ibu Bapa/Penjaga:
2. No. Kad Pengenalan:
3. Alamat Rumah:
4. No. Telefon (R):
5. No. Telefon Bimbit:
6. Nama Ibu:
7. No. Kad Pengenalan:
8. No. Telefon:

PERSETUJUAN IBU BAPA

Tandakan (/) di petak berkenaan

☐	Bersetuju mengikuti program DLP
☐	Tidak bersetuju mengikuti program DLP

.....
()

Nama dan Tandatangan

*sila potong yang tidak berkenaan

(logo sekolah)

SURAT PEMAKLUMAN PENEMPATAN

.....
.....
.....

Tuan/ Puan,

PENEMPATAN MURID DI KELAS *DUAL LANGUAGE PROGRAMME* (DLP)

Dimaklumkan bahawa borang persetujuan tuan/puan bertarikh telah diterima.

2. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah ingin memaklumkan bahawa anak/ anak jagaan tuan/puan

.....
(nama murid)

☐

ditempatkan di kelas yang melaksanakan DLP

☐

tidak ditempatkan di kelas yang melaksanakan DLP kerana

.....

Sebarang rayuan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada kekosongan dan kesediaan sekolah.

Sekian, terima kasih.

.....
()
Tandatangan Pengetua/Guru Besar
Tarikh:





**BORANG PERMOHONAN PELAKSANAAN
DUAL LANGUAGE PROGRAMME
SEKOLAH SWASTA**

BAHAGIAN A: MAKLUMAT SEKOLAH

1. Nama Sekolah			
2. Alamat			
3. Kod Sekolah			
4. No. Telefon			No. Faks.
5. E-mel			
6. Nama Pengetua/ Guru Besar			

BAHAGIAN B: PERINGKAT KELAS

Arahan: Tandakan (/) peringkat kelas yang akan melaksanakan DLP

	1	2	3	4	5	6
Tahun						
Tingkatan	1	2	3	4	5	

BAHAGIAN C: BILANGAN MURID DAN KELAS BAGI TAHUN PELAKSANAAN**Arahan:** Masukkan maklumat berikut.

Tahun/ Tingkatan	Bilangan kelas keseluruhan	Bilangan kelas DLP	Bilangan murid keseluruhan	Bilangan murid DLP
TAHUN 1				
TAHUN 2				
TAHUN 3				
TAHUN 4				
TAHUN 5				
TAHUN 6				
TINGKATAN 1				
TINGKATAN 2				
TINGKATAN 3				
TINGKATAN 4				
TINGKATAN 5				

**BAHAGIAN D: BILANGAN GURU MENGAJAR SAINS DAN MATEMATIK
KESELURUHAN DAN CADANGAN GURU MENGAJAR KELAS DLP****Arahan:** Masukkan bilangan guru mengikut tahun/tingkatan.

Tahun/ Tingkatan	Bilangan Guru Keseluruhan		Bilangan Guru Mengajar kelas Melaksana DLP	
	Sains	Matematik	Sains	Matematik
TAHUN 1				
TAHUN 2				
TAHUN 3				
TAHUN 4				
TAHUN 5				
TAHUN 6				
TINGKATAN 1				
TINGKATAN 2				
TINGKATAN 3				
TINGKATAN 4				
TINGKATAN 5				

BAHAGIAN E: PERANCANGAN SEKOLAH

Arahan: Nyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah merangkumi aspek-aspek yang berikut:

Bil.	Perkara	Perancangan jangka pendek (5 tahun)	Perancangan jangka panjang (10 tahun)
1.	Guru Contoh: Kursus guru		
2.	Murid Contoh: Kemenjadian murid		
3.	Kelas Contoh: Kesediaan kelas		
4.	Sumber PdP Contoh: Bahan bantu mengajar/belajar		
5.	Kemudahan ruang pembelajaran Contoh: Kesediaan ruang pembelajaran		
6.	Sokongan ibu bapa dan masyarakat setempat Contoh: Persetujuan ibu bapa		

BAHAGIAN F: PERANCANGAN PROGRAM BAHASA MELAYU

Arahan: Senaraikan program bahasa Melayu yang dilaksanakan/dirancang di sekolah bagi mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu murid.

Bil.	Program	Kumpulan Sasaran	Jangkaan Pelaksanaan

PERAKUAN PENGETUA/ GURU BESAR

Pihak sekolah bersetuju melaksanakan *Dual Language Programme* (DLP). Semua maklumat yang diberikan benar dan mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Sekolah Swasta yang berdaftar bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

.....


Tandatangan Pengetua/ Guru Besar

Nama:

Tarikh:



CARTA ALIR PERMOHONAN PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME* (DLP) SEKOLAH SWASTA





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BORANG PENGESAHAN KESEDIAAN SEKOLAH
DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP) SEKOLAH SWASTA

Arahan: Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh Bahagian/JPN/PPD bagi mendapatkan pengesahan kesediaan sekolah melaksanakan DLP.

Nama Sekolah	
---------------------	--

Kesediaan Sekolah

Kriteria	Ulasan
Sumber yang mencukupi	
Perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk melaksanakan DLP	
Persetujuan daripada Ibu Bapa/ Penjaga	
Program Pengukuhan Bahasa Melayu	

Kriteria	Ulasan
Ulasan secara keseluruhan	

Sekolah ini **memenuhi / tidak memenuhi** semua kriteria dan **dicadang/ tidak dicadang** untuk melaksanakan *Dual Language Programme*.

Disediakan oleh:

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

BORANG RUMUSAN BILANGAN KELAS DAN MURID (SR)
DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)

JPN/ PPD:

Arahan: Masukkan maklumat sekolah, bilangan kelas dan murid *dual language program* mengikut tahun.

Bil.	Kod Sekolah	Nama Sekolah	Tahun 1		Tahun 2		Tahun 3		Tahun 4		Tahun 5		Tahun 6	
			Kelas	Murid	Kelas	Murid	Kelas	Murid	Kelas	Murid	Kelas	Murid	Kelas	Murid

Disediakan oleh:

.....

Disahkan oleh:

.....

BORANG RUMUSAN BILANGAN KELAS DAN MURID (SM)
DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)

JPN/ PPD:

Arahan: Masukkan maklumat sekolah, bilangan kelas dan murid *dual language program* mengikut tingkatan.

[illegible]

Disediakan oleh:

.....

Disahkan oleh:

[illegible]